



## BAHASA BISAYA Mengimbau Kajian lampau

Oleh: AMINAH AWANG BASAR

Penyelidikan secara ilmiah yang mapan tentang bahasa-bahasa sukuan di Sabah, khususnya bahasa Bisaya tidak banyak dilakukan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa penelitian bahasa Bisaya melalui beberapa kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik tempatan dan barat telah diusahakan. Menurut Appell (1968)<sup>1</sup>, tidak ada sebarang penyelidikan tentang orang Islam di Sabah termasuklah etnik Bisaya sebelum tahun 1965. Hanya selepas tempoh tersebut, beberapa penyelidikan linguistik, khususnya oleh pengkaji Barat dilaksanakan.

Makalah ini dihasilkan dengan tujuan memberikan gambaran bahawa masih terdapat lompong dalam himpunan kosa ilmu persuratan dan kajian linguistik Melayu, khususnya kajian terhadap bahasa-bahasa sukuan di Sabah. Dalam makalah<sup>2</sup> ini, penulis akan mengulas aspek kosa ilmu ini dengan mengambil kira kajian lampau yang dilakukan oleh beberapa orang pengkaji Barat dan tempatan. Antara kajian yang akan dibincangkan termasuklah kajian oleh Headly D. (1950), R.A Bewsher (1956), John Carroll (1960), Tom Harrisson (1962), Benedict Sandin (1971), Asmah Haji

<sup>1</sup>Appell, G.N. 1968. "The Dusun Languages of North Borneo: The Rungus Dusun and Related Problem". *The Oceanic Linguistics* 7:1 –15.

<sup>2</sup>Makalah ini diadaptasi daripada tesis sarjana penulis berjudul *Aspek Fonologi Bahasa Bisaya: Suatu Analisis Autosegmental* (UKM, 2004).

Omar (1983), Phyllis A. Dunn (1984), dan Kenneth D. Smith (1984). Perbincangan dan ulasan kosa ilmu adalah berdasarkan tiga skop kajian, iaitu kajian etimologi, kajian sosiobudaya dan kajian bahasa.

## Kajian Etimologi

Terdapat beberapa hipotesis yang dikemukakan tentang asal-usul perkataan “Bisaya” dan cara perkataan ini wujud di Borneo. Harrison (1958) mengandaikan bahawa perkataan “Bisaya” berkait rapat dengan kehadiran empayar Srivijaya di barat Borneo pada abad ke-

Menurutnya, perkataan “Bisaya” sebenarnya berasal daripada perkataan “Vijaya”. Walau bagaimanapun, andaian ini disangkal oleh Verstralen, seorang pengembara Eropah. Verstralen mengandaikan perkataan “Vijaya” adalah lebih dekat kepada perkataan “Biraya” berbanding dengan “Bisaya” berdasarkan analogi terhadap perilaku bunyi dalam bahasa-bahasa Austronesia.

Headly (1950) dalam tulisannya, *Some Bisaya Folklore* pula mengaitkan perkataan “Bisaya” dengan ungkapan “bisai-ya” daripada bahasa Brunei yang membawa maksud “cantiknya”. Berdasarkan penelitian terhadap beberapa cerita rakyat masyarakat Bisaya, ungkapan “bisai-ya” telah diujarkan oleh Sultan Brunei setelah baginda kagum melihat keindahan dan kesuburan dusun buah-buahan dan kebun sayur-sayuran yang diusahakan oleh penduduk peribumi di barat Borneo ketika itu. R.A Bewsher (1956) melalui kajiannya bertajuk *Bisayan Account of Early Borneoan Settlement in The Philippines Recorded by Father Santaren* mengemukakan hipotesis kewujudan

Bisaya di Filipina yang tercatat dalam *maragtas*<sup>3</sup>. *Maragtas* dikatakan mengandungi maklumat penting tentang asal-usul perkataan “Bisaya” yang kemudiannya dikaitkan dengan sejarah awal kedatangan orang-orang Bisaya Borneo ke Filipina.

Carroll (1960) melalui kajian *The Word Bisaya in The Philippines and Borneo* mengemukakan pendirian bahawa hipotesis etimologi Bisaya yang dikemukakan antara tahun 1920 hingga 1921, dan 1926 adalah spekulasi semata-mata. Bagi menyangkal hipotesis lampau berkenaan, Carroll mengemukakan teorinya berdasarkan legenda masyarakat Bisaya di Borneo dan *maragtas* tulisan Father Santaren.

Menurut Carroll, sebelum kedatangan Islam ke Borneo, kawasan Retus dan Sungai Bintulu di Sarawak dikuasai oleh pemerintah bernama Makatunao yang dipercayai berketurunan Malanau. Sepanjang pemerintahannya, Makatunao mengamalkan penindasan terhadap orang-orang Bisaya di sepanjang Sungai Bisaya hingga menyebabkan beberapa pembesar Bisaya meninggalkan tempat tersebut. Kumpulan pembesar ini kemudiannya belayar di sepanjang pantai Sarawak menuju perairan Palawan lalu berhenti di Cagayan<sup>4</sup>. Mereka kemudiannya terus belayar ke Pulau Panay dan membina penempatan tetap di situ. Penempatan awal di pulau ini diikuti oleh proses migrasi yang berterusan dari Borneo<sup>5</sup>.

## Kajian Sosiobudaya

Tom Harrison (1962) dalam kajiannya yang bertajuk *Bisaya in North Borneo and Elsewhere* mengemukakan bahawa masyarakat Bisaya di

<sup>3</sup>*Maragtas* ialah himpunan cerita rakyat Filipina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Sepanyol oleh Father Santaren pada tahun 1858. Pada tahun 1902, buat pertama kalinya *maragtas* berkenaan diterbitkan sebagai sebahagian lampiran dalam buku Father Angel Perez bertajuk *Igorroles Estudio Geografico y Etnografico Sobre Algunos del Norte de Luzon*. Bukti kewujudan penempatan

<sup>4</sup>Bisaya Borneo di Cagayan pada awal abad ke-16 dicatatkan oleh Antonio Pigafetta pada tahun 1521.

<sup>5</sup>Kisah penghijrahan masyarakat Bisaya dan masyarakat lain seperti Kedayan juga ada disebut dalam *maragtas* versi *Carreon-Monteclaro* (Carroll, 1960).

Lembangan Padas (*Padas Delta*) kurang mendapat perhatian penyelidik berbanding dengan etnik utama lain di Borneo seperti Dusun, Murut dan Bajau. Walaupun setelah setengah abad kewujudan masyarakat ini tercatat dalam sejarah, maklumat tentangnya masih terlalu sedikit. Kajian terdahulu yang pernah dilakukan oleh pengkaji Barat tidak banyak membantu dalam memberikan maklumat lengkap tentang masyarakat Bisaya, khususnya di Borneo Utara.

Dalam kajiannya, Harrisson menyatakan bahawa masyarakat Bisaya mengamalkan kepercayaan animisme dan *shamanism* (perbomohan) dalam kehidupan mereka. Penempatan mereka dikatakan bercirikan konsep kelompok tersendiri, iaitu setiap keluarga mempunyai rumahnya sendiri, dan rumah-rumah keluarga lain akan dibina berhampiran antara satu sama lain. Amalan pertanian mereka berkaitan dengan penghasilan sagu dan penternakan kerbau. Kebanyakan peralatan seperti senjata, perkakasan dapur dan alat muzik (gong) diperbuat daripada tembaga.

Benedict Sandin (1971), seorang anak tempatan, melalui kajiannya *The Bisayah of Limbang* banyak membicarakan aspek sosiobudaya masyarakat Bisayah Limbang yang terdapat di Sarawak. Pada masa lampau, suku Bisayah Limbang ini lebih dikenal sebagai "Tenggara" dan mereka banyak menempati sepanjang tebing Sungai Limbang di Bahagian Kelima Sarawak. Pada asalnya, Bisayah dikatakan tidak mempunyai sebarang anutan agama (pagan). Hanya setelah kedatangan ulama dan pedagang Islam, agama Islam meresap dalam kalangan orang Penan, Murut, Bisayah, Tagal, dan Tenggara. Walaupun pengislaman berlaku secara besar-besaran, ada juga dalam kalangan masyarakat ini yang masih pagan dan hidup secara berasingan. Sehingga kini, masyarakat Bisayah Limbang masih mengamalkan kepercayaan animisme dalam kehidupan harian mereka bermula dari saat kelahiran hinggalah ke saat kematian.

Masyarakat ini juga percaya bahawa segala kekayaan dan kesenangan yang diperoleh sepanjang tahun hendaklah diraikan dengan mengadakan Pesta Belulang.

### Kajian Bahasa

Asmah Haji Omar (1983) melalui kajian beliau yang bertajuk *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*, menyenaraikan 23 bahasa daripada 18 kelompok yang dibahagikan mengikut tiga sempadan geografi, iaitu Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Kajian ini direalisasikan melalui dana *Malay Culture Study Project* di bawah seliaan UNESCO pada tahun 1971. Bahasa Bisaya merupakan salah satu bahasa yang dihuraikan oleh Asmah dalam kajian tersebut. Menurut Asmah, bahasa Bisaya yang dituturkan di Borneo tidak harus disamakan dengan Bisaya yang dituturkan di Filipina walaupun keduanya mungkin mempunyai hubungan genetik dalam konteks bahasa meso (*meso-languages*). Namun untuk kajian ini, Asmah hanya menghuraikan aspek fonologi bagi variasi bahasa Bisaya yang dituturkan di daerah Beaufort, Sabah.

Asmah mengemukakan bahawa dalam bahasa Bisaya terdapat tujuh inventori vokal, dan 19 inventori konsonan. Bentuk fonologi lain yang wujud dalam bahasa ini ialah diftong, vokal rangkap, konsonan rangkap, dan vokal berulang. Menurut Asmah, bahasa Bisaya mempunyai dua jenis konsonan rangkap, iaitu gabungan konsonan nasal + verbal, dan gabungan konsonan plosif + getaran. Vokal berulang yang wujud ialah vokal yang sama hadir secara berturutan dan lazimnya dipisahkan oleh hentian glotis. Dari aspek morfologi, bahasa Bisaya mempunyai lima binaan struktur suku kata iaitu V, VK, KV, KVK dan KKV, dan mempunyai 23 imbuhan yang terdiri daripada 17 kata kerja, tiga kata nama, satu kata adjektif, dan dua kata bilangan. Asmah juga menyenaraikan beberapa maklumat

tambahan seperti penggunaan ganti nama, kata tunjuk, kata tanya, penomboran, kata bilangan, penjodoh bilangan, preposisi, *ligature*, artikel, dan kata perbandingan.

Selain kajian oleh Asmah, kajian aspek bahasa juga dilaksanakan oleh dua pengkaji dari Summer Institute of Linguistic (SIL) yang beribu pejabat di Amerika Syarikat. Phyllis A. Dunn (1984) dan Kenneth D. Smith (1984) adalah antara pengkaji Barat yang mengkaji bahasa Bisaya di Sabah. Kajian Dunn bertajuk *The Bisaya Language* yang diterbitkan dalam *Language of Sabah: A Survey Report* sebenarnya merupakan kajian linguistik pertama berkenaan bahasa Bisaya di Sabah dengan menggunakan kaedah analisis leksikostatistik. Semasa kajian ini dilaksanakan, masyarakat Bisaya pada ketika itu dianggarkan berjumlah kira-kira 10 000 hingga 12 000 orang. Sebahagian besar masyarakat Bisaya ialah petani dan penempatan mereka bertumpu di kawasan barat daerah Beaufort, iaitu di sepanjang Sungai Padas, di selatan Pekan Weston dan di selatan Kuala Penyu. Analisis leksikostatistik telah dilakukan ke atas 344 daftar kata yang mewakili 325 kampung di Sabah<sup>6</sup>.

Smith pula melalui kajiannya yang bertajuk *The Language of Sabah: A Tentative Lexicostatistical Classification* mengemukakan satu pemetaan bahasa yang agak lengkap tentang bahasa-bahasa sukuan yang terdapat di Sabah ketika itu. Menurut Smith, data yang digunakan untuk analisis klasifikasi telah dihimpunkan oleh ahli linguistik mahir antara bulan Oktober 1978 dengan bulan November 1979. Berdasarkan klasifikasi Smith ini, bahasa-bahasa di Sabah tergolong dalam bahasa Austronesia yang terbahagi kepada tiga stok utama (*superstock*), iaitu stok bahasa Butung, stok bahasa Jawa, dan

stok bahasa Austronesia Barat Laut. Bahasa Bisaya digolongkan ke dalam keluarga bahasa Dusun (*Dusunic*) daripada stok linguistik Borneo. Selain bahasa ini terdapat sembilan lagi bahasa lain yang berkongsi keluarga yang sama, iaitu Papar, Dumpas, Kadazan Tambanua, Lotud, Tatana, Kuijau, Kadazandusun, dan Kadazan Barat. Darjah saling faham antara bahasa-bahasa ini adalah dalam lingkungan 60% hingga 75%.

Berdasarkan perbincangan dan ulasan terhadap ketiga-tiga kategori kajian di atas, jelaslah bahawa masyarakat Bisaya kurang mendapat perhatian pengkaji walaupun kewujudannya dalam sejarah pelayaran mubaligh Kristian telah tercatat hampir 100 tahun yang lalu sebelum pengkaji Barat yang pertama menjalankan kajian terhadap masyarakat berkenaan. Kekurangan bahan rujukan persuratan pastinya akan mengekang penghasilan kajian-kajian lanjutan. Harapan penulis agar ulasan ini dapat membuka keinginan penyelidik tempatan, khususnya dalam bidang linguistik untuk melaksanakan kajian bahasa sukuan di Sabah pada masa akan datang.

Berdasarkan klasifikasi Smith ini, bahasa-bahasa di Sabah tergolong dalam bahasa Austronesia yang terbahagi kepada tiga stok utama (*superstock*), iaitu stok bahasa Butung, stok bahasa Jawa, dan stok bahasa Austronesia Barat Laut. Bahasa Bisaya digolongkan ke dalam keluarga bahasa Dusun (*Dusunic*) daripada stok linguistik Borneo.

<sup>6</sup>Bagi melaksanakan ujian saling faham (*intelligibility testing*) dalam bahasa Bisaya, Dunn memilih dua buah kampung, iaitu Kampung Padas (Daerah Beaufort) yang kedudukannya agak terpencil, dan Kampung Kilugus (Daerah Kuala Penyu) yang mudah dihubungi kerana terletak di laluan jalan utama antara Pekan Beaufort dengan Pekan Menumbok.